

pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

- b) Keahlian Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut:

Lembaga Perolehan 'A'

- Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya
- Ahli : (i) Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan ); dan
- (ii) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

Lembaga Perolehan 'B'

- Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya
- Ahli : (i) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya;
- (ii) Seorang Pengarah Cawangan; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.